

## Karektor Guru Pendidikan Khas Aliran Kemahiran Berlandaskan Nilai Retorik Dari Perspektif Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di Malaysia

Lee Ming Foong \*<sup>1</sup>, Roziemee Binti Shafii <sup>2</sup>

*<sup>1&2</sup> Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Department of Professional Education, Faculty of Technical & Vocational Education, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia*

---

### ARTICLE INFO

#### *Article history:*

Received : June 2015

Accepted : August 2015

Available online : January 2017

#### *Keywords:*

*Insert keywords for your paper*

### ABSTRAK

**Latar Belakang:** Pendidikan Khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berpandangan jauh, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan harian serta menyedari potensi diri sendiri yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Aliran pendidikan teknikal dan vokasional juga tidak dikecualikan pelajar yang mempunyai keperluan khas. Oleh itu, guru pendidikan khas aliran kemahiran harus mempunyai karektor yang istimewa untuk mendidik pelajar golongan ini. Namun begitu, masih belum wujudnya satu model standard guru pendidikan khas terutamanya aliran kemahiran. **Objektif:** Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penerapan elemen dan dimensi nilai retorik dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru aliran kemahiran bagi pelajar pendidikan khas masalah pendengaran. **Keputusan:** Dapatan kajian ini menunjukkan penerapan elemen nilai retorik ethos dan logos dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi, diikuti dengan pathos pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan penerapan nilai retorik bagi kebanyakan dimensi pada tahap tinggi, hanya dimensi perasaan dan visualisasi pada tahap sederhana. **Kesimpulan:** Umumnyaa, guru pendidikan khas aliran kemahiran telah menerapkan nilai retorik pada tahap yang tinggi. Setiap guru digalak untuk menguasai nilai retorik supaya dapat membantu para pelajar menerokai ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh mereka dengan berkesan dan seterusnya memberi impak yang positif terhadap pencapaian pelajar.

---

### Pengenalan

Program pendidikan khas adalah suatu program yang disediakan di sekolah khas bagi pelajar yang mempunyai kecacatan penglihatan ataupun pendengaran dan masalah pembelajaran [1]. Sehubungan dengan itu, tulang belakang kepada cabang pendidikan khas ialah kecekapan dan dedikasi di kalangan kakitangan profesionalnya. Guru-guru yang mengajar pelajar kelainan upaya ini memerlukan latihan yang khas serta mempunyai kelayakan perguruan yang asas

untuk mengajar pelajar normal, bermotivasi dan kreatif dalam membantu pelajar kelainan upaya ini. Masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam mengendalikan pendidikan khas ini ialah strategi dalam menerapkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran mereka.

Tambahan pula, terdapat pelajar banyak memberikan maklumbalas negatif berkenaan pengajaran guru terutamanya berkaitan aspek komunikasi, pengetahuan dan disiplin di dalam bilik kuliah [2]. Ini termasuklah isu seperti penyampaian yang tidak melontarkan suara,

tidak menggunakan contoh, penjelasan yang tidak jelas, syarahan yang tidak tersusun, kehadiran lewat, kurangnya menguasai subjek, nota yang tidak menarik dan gagal menguruskan kelas dengan baik. Walau bagaimanapun, dalam proses pembelajaran, nilai retorik seseorang guru dapat memberi impak yang besar mengenai keberkesanan proses komunikasi antara guru dan pelajar. Hal ini kerana, guru dan pelajar adalah secara langsung terlibat dalam sebuah kompleks sosial dan intelektual dalam kelas [3].

Nilai retorik merupakan suatu seni menggunakan bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar. Ianya merujuk kepada persepsi seseorang terhadap penyampai melalui tiga elemen yang utama iaitu ethos, pathos dan logos [4]. Ethos yang merupakan kaedah guru untuk meyakinkan pendengar, pathos adalah emosi seorang guru dalam proses penyampaian maklumat kepada pelajar, manakala logos ialah penghujahan guru yang menunjukkan tahap ilmu pengetahuannya terhadap pendengar. Setiap elemen terbahagi kepada beberapa dimensi iaitu elemen ethos terdiri daripada dimensi kemahiran praktikal, kebajikan dan kesungguhan dalam menjalankan tugas. Bagi elemen pathos pula terdiri daripada dimensi perasaan dan visualisasi. Seterusnya elemen logos adalah terdiri daripada dimensi logik dan fakta.

Persepsi pelajar terhadap kebolehan guru tentang bagaimana para pelajar akan bertindak terhadap guru dan bagaimana keberkesanan guru tersebut sebagai seorang pendidik dan penyampai maklumat [5]. Hal ini dapat membantu guru memerhati dan menganalisis setiap perlakuan yang dilakukan oleh pelajar itu secara langsung serta mampu menjadikan proses pembelajaran itu lebih berkesan. Pendengar ataupun pelajar akan membuat penilaian yang serta merta apabila mendengar penyampaian dan pengolahan bahasa yang digunakan oleh guru adalah tidak menarik. Seterusnya akan menyebabkan berlakunya ketidakharmonian di dalam kelas, dan lebih memburukkan lagi apabila teretusnya keganasan dan akhirnya akan menyebabkan kurangnya rasa hormat dalam kalangan pelajar terhadap kredibiliti seseorang guru mahupun profesion perguruan itu sendiri [6].

Oleh yang demikian, penyampai yang efektif seharusnya merupakan seseorang yang boleh memberi keyakinan dalam perwatakannya dan mampu diterima oleh pendengar [7]. Pelajar

akan menjadi kurang berminat untuk meneruskan sesi pembelajaran sekiranya personaliti guru yang ragu-ragu dan kurang yakin terhadap pengajarannya kerana pelajar beranggapan bahawa guru tersebut kurang menguasai perkara yang diajarnya. Sehubungan itu, wajarlah bahawa dalam konteks pembelajaran terutamanya sekolah pendidikan khas yang berperanan untuk mendidik pelajar kelainan upaya memerlukan penerapan nilai retorik dalam diri guru. Nilai retorik juga perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar terutamanya pelajar kurang upaya masalah pendengaran dapat memperolehi ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru dengan baik [6]. Penerapan nilai retorik yang berkesan mampu mengatasi masalah yang berlaku semasa proses P&P berlangsung. Keberkesanan penerapan ini dapat ditentukan apabila pelajar berkeperluan khas ini mampu mencapai keputusan akademik yang optimum di samping dapat meningkatkan kemahiran sosialis.

Ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru perlu menguasai kemahiran terutama berkaitan cara-cara mendidik, mengasuh serta membimbing pelajar pendidikan khas ini. Permasalahan yang timbul dalam dunia pendidikan khas ialah tidak semua guru mempunyai kemahiran untuk mengajar pelajar pendidikan khas terutamanya mereka yang bermasalah pendengaran. Hanya guru istimewa dapat mendidik anak istimewa [8]. Tidak semua guru yang berkemahiran khas mampu mendidik golongan berkeperluan khas ini dengan baik dan tidak semua guru yang tiada kemahiran khas tidak mampu mendidik golongan ini dengan baik. Ini kerana pendekatan mengajar pelajar pendidikan khas adalah berbeza dan memerlukan pemerhatian yang lebih. Apabila mengajar pelajar biasa, kebiasaannya misi guru adalah menghabiskan sukatan pelajaran. Namun begitu, bagi pelajar pendidikan khas perlu tumpuan bukan kandungannya tetapi individu itu perlu dididik dan diberi bimbingan semasa proses P&P berlangsung. Kemahiran dan teknik pengajaran yang baik serta serasi dengan kemampuan pelajar pendidikan khas dijangka dapat meningkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Dalam usaha mendidik golongan ini, penerapan nilai retorik yang berkesan amat diperlukan agar dapat membantu mereka dalam pembelajaran.

## **Objektif Kajian**

Matlamat kajian ini adalah untuk menentukan standard yang bersesuaian bagi guru pendidikan khas dalam P&P pelajar bermasalah pendengaran berasaskan nilai retorik. Kajian ini bertujuan untuk:

- (i) Menentukan tahap penerapan elemen nilai retorik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar pendidikan khas masalah pendengaran.
- (ii) Menentukan tahap penerapan dimensi nilai retorik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar pendidikan khas masalah pendengaran.
- (iii) Menentukan perbezaan tahap penerapan elemen nilai retorik guru dari perspektif pelajar lelaki dan perempuan.
- (iv) Menentukan perbezaan tahap penerapan dimensi nilai retorik guru dari perspektif pelajar lelaki dan perempuan.

### Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data. Soal selidik tersebut terdiri daripada 42 item. Semua pelajar bermasalah pendengaran aliran kemahiran dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) di Malaysia terlibat dalam kajian ini. Namun begitu, semasa kajian ini dilaksanakan, hanya seramai 123 dari 170 orang terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus Grafik Berkomputer dan Penjagaan Muka dan Dandan Rambut terlibat dalam kajian ini. Data yang dikumpul dianalisis dengan skor min (M), sisihan piawai (SD), dan ujian Mann Whitney U.

### Keputusan & Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan bahawa tahap penerapan elemen nilai retorik ethos dan logos adalah tinggi, manakala elemen pathos adalah pada tahap sederhana. Ini menunjukkan guru yang mengajar di sekolah tersebut mempunyai ketiga-tiga elemen yang terdapat dalam nilai retorik iaitu ethos, pathos dan logos dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Elemen ethos menunjukkan tahap penerapan yang tinggi dan mempunyai min yang paling tinggi iaitu 3.29. Ini bermakna pelajar berpendapat guru mempunyai personaliti yang baik dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Penerapan elemen logos juga pada tahap tinggi dengan nilai min 3.01 dan pathos pada tahap sederhana dengan nilai min 2.95.

Dapatan ini menunjukkan bahawa karakter positif yang dipamerkan oleh guru semasa proses pengajaran adalah sangat menyerlah dan menyeluruh. Nilai ethos guru dinilai oleh pendengar yang terdiri daripada pelajar-pelajar. Guru sentiasa dinilai dan diuji berkenaan tahap pengetahuan ke atas pelbagai subjek oleh pelajar [6]. Dapatan kajian menunjukkan pathos guru berada pada tahap sederhana. Ini bermakna guru harus berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan yang lebih efektif dalam mempersembahkan material pengajaran, juga perlu menggalak dan memotivasikan pelajar untuk belajar. Hal ini secara tidak langsung dapat menaikkan semangat serta membentuk jati pelajar yang positif melalui penerapan unsur motivasi yang telah disampaikan oleh pensyarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas [9].

Jadual 1: Tahap Penerapan Elemen Nilai Retorik Guru

Bil	Elemen Nilai Retorik	M	SD	Tafsiran min
1	Ethos	3.29	0.465	Tinggi
2	Pathos	2.95	0.486	Sederhana
3	Logos	3.01	0.440	Tinggi
Keseluruhan		3.08	0.407	Tinggi

Jadual 2: Tahap Penerapan Dimensi Nilai Retorik Guru

Elemen Nilai Retorik	Dimensi Nilai Retorik	M	SD	Tafsiran min
Ethos	Kemahiran praktikal (KP)	3.16	0.423	Tinggi
	Kebajikan (B)	3.28	0.646	Tinggi
	Kesungguhan (S)	3.43	0.451	Tinggi
Pathos	Perasaan (R)	2.94	0.587	Sederhana
	Visualisasi (V)	2.96	0.463	Sederhana
Logos	Logik dan Fakta (LF)	3.01	0.440	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan bahawa Tahap penerapan dimensi nilai retorik kemahiran praktikal, kebajikan, kesungguhan serta logik dan fakta adalah pada tahap tinggi. Manakala penerapan dimensi perasaan dan visualisasi adalah pada tahap sederhana. Ini menunjukkan guru di sekolah menengah pendidikan khas mempunyai ke semua dimensi yang terdapat dalam nilai retorik dalam proses pengajaran dan

pembelajaran. Dimensi kesungguhan menunjukkan tahap penerapan yang tinggi dan mempunyai min yang paling tinggi iaitu 3.43. Ini bermakna pelajar berpendapat guru menunjukkan kesungguhan terhadap pelajar semasa penyampaian dalam proses pengajaran. Manakala penerapan dimensi perasaan guru adalah pada tahap sederhana dan mempunyai min paling rendah iaitu 2.94.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian beberapa orang penyelidik [6 & 10] bahawa penerapan dimensi nilai retorik ini mampu memberi kesan terhadap perubahan sikap pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru mempunyai tanggungjawab yang tinggi terhadap kebajikan pelajar. Kebajikan adalah suatu perbuatan baik yang dilakukan kepada orang lain dan mendatangkan faedah kepada orang lain [11]. Guru juga menunjukkan kesungguhannya dalam mendidik dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab dengan mempamerkan keperibadian diri yang penuh keyakinan dan bersemangat bagi memberi semangat kepada pelajar-pelajar. Dalam kajian ini logik dan fakta adalah merujuk kepada cara penyampaian, pengetahuan dan penguasaan guru dalam memberi penerangan kepada pelajar di dalam bilik darjah. Oleh kerana itu, semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru seharusnya menyampaikan sesuatu maklumat berasaskan fakta bagi mengelakkan kekeliruan dan perbezaan pendapat berlaku pada pelajar-pelajar. Hal ini adalah perlu untuk memastikan pelajar mendapat maklumat yang benar daripada pendidik.

Dimensi perasaan adalah kepada penyampaian guru yang dapat mempengaruhi perasaan pelajar sama ada dari segi emosi serta fizikal. Dalam kajian ini, dimensi perasaan adalah berada pada tahap sederhana. Ini bermakna guru perlu memberi perhatian untuk mengawal perasaan seperti bersikap toleransi, adil dan berinisiatif baik terhadap pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Dalam kajian ini visualisasi adalah merujuk kepada kaedah penyampaian guru menggunakan teknik kreatif dan inovatif dan idea penghuraian yang bijak seperti teknik metafora, analogi, gerak badan, imaginasi ataupun bercerita kepada pelajar-pelajar dengan mengaitkan serba sedikit mengenai topik pembelajaran mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru perlu menggunakan kaedah lain seperti penggunaan analogi dan contoh untuk membantu memberi pengertian mengenai sesuatu mesej yang ingin

disampaikan dengan lebih jelas [12]. Hal ini dapat membantu pelajar-pelajar memahami dengan lebih jelas melalui bayangan penceritaan yang disampaikan oleh guru.

Jadual 3: Analisis Ujian Mann-Whitney U bagi tahap penerapan elemen nilai retorik guru dalam proses P&P berdasarkan Jantina Pelajar

Bil	Elemen Nilai Retorik	Mean Rank	Z Skor	Nilai p (2 huj)
1	Ethos	L=58.45 P=63.05	-0.606	0.545
2	Pathos	L=70.25 P=59.57	-1.409	0.159
3	Logos	L=38.00 P=69.07	-4.170	0.000

Jadual 4: Analisis Ujian Mann-Whitney U bagi tahap penerapan dimensi nilai retorik guru dalam proses P&P berdasarkan Jantina Pelajar

Elemen	Dimensi	Mean Rank	Z Skor	Nilai p
Ethos	KP	L=52.32 P=64.85	-1.648	0.099
	B	L=64.25 P=61.34	-0.404	0.686
	S	L=51.25 P=65.17	-1.924	0.054
Pathos	R	L=72.00 P=59.05	-1.752	0.080
	V	L=70.75 P=59.42	-1.503	0.133
Logos	LF	L=38.00 P=69.07	-4.170	0.000

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis ujian Mann-Whitney U tentang perbezaan yang wujud dalam tahap penerapan nilai retorik guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek jantina pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa hanya elemen nilai retorik logos terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan ( $z=-4.170$ ,  $p=0.000$ ). Jadual 4 pula menunjukkan hasil analisis ujian Mann-Whitney U terhadap perbezaan yang wujud bagi tahap penerapan dimensi nilai retorik guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dari perspektif pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian menunjukkan hanya dimensi logik dan fakta terdapat perbezaan signifikan ( $z=-4.170$ ,  $p=0.000$ ). Manakala dimensi lain menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan dalam penerapan nilai retorik guru

semasa proses pengajaran dan pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan pendapat yang berlaku antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam menilai seseorang. Perempuan adalah seseorang berhati lembut dan mempunyai pemikiran logik yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Mungkin disebabkan itu mereka mudah dipengaruhi oleh perkara yang disampaikan oleh penyampai dan beranggapan bahawa semua yang disampaikan oleh penyampai adalah perkara yang benar. Sifat semulajadi jantina menyebabkan terdapatnya perbezaan pendapat di antara pelajar lelaki dan perempuan.

### Kesimpulan

Dapatan kajian ini dapat menunjukkan bahawa elemen dan dimensi nilai retorik merupakan satu perkara yang penting dalam membantu guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, nilai retorik juga dapat membantu untuk memotivasikan pelajar agar memperolehi kejayaan dalam akademik dan seterusnya dalam kehidupan. Walaupun dapatan kajian ini tidak dapat mewakili keseluruhan guru secara khususnya, namun begitu konsep elemen dan dimensi nilai retorik yang cuba dikenal pasti secara umumnya dapat di tunjukkan dalam kajian yang dijalankan ini. Justeru itu, adalah penting bagi seseorang pendidik untuk menguasai nilai retorik yang baik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar pelajar dapat menggarap ilmu pengetahuan dan melahirkan insan yang berketerampilan seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hubungan yang terdapat di antara nilai retorik dengan pembelajaran pelajar dapat dijadikan indicator bahawa nilai retorik merupakan perkara penting yang perlu diambil kira oleh guru dalam usaha menyampaikan ilmu pengetahuan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini.

### Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada ORICC Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas geran (no.vot:R007) yang diberikan untuk menjalankan kajian ini. Penulis juga ingin merakamkan ribuan terima kasih pelajar dan guru pendidikan khas yang sudi meluangkan masa mereka untuk menyertai kajian.

### Rujukan

- [1] Nasri, M., Hamzah, R., & Udin, A., (2010). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Memperkasakan Peranan Pendidikan Teknik Vokasional Dan Pendidikan Khas : Universiti Teknologi Malaysia.
- [2] Jackson, M. (2006). *Serving Time : The Relationship Of Good And Bad Teaching. Quality Assurance In Education Journal*, Vol. 14, No. 4. Pp 385-397.
- [3] Cole, K. M. & Zuengler, J. (2008). *The Research Process In Classroom Discourse Analysis : Current Perspectives*. Lawrence Erlbaum Associates. Pp. 20 – 30.
- [4] Kress, G., Jewitt, C., Ogborn, J. & Tsetsarelis, C. (2001). *Multimodal Teaching And Learning : CPD Ebbw Vale*. Pp 10 -30
- [5] Frymier, A. B (1992). "Perceived Teacher Affinity-Seeking In Relation To Perceive Teacher Credibility." *Communication Education*, 41, 388-399.
- [6] Haskins, W. A. (2000). *Ethos and Pedagogical Communication ; Suggestions for Enhancing Credibility in the Classroom*. *Current Issues in Education*, Vol. 3, no 4
- [7] Barrett, D. J. (2009). *Leadership Communication*. Third Edition. McGraw-Hill Sdn. Bhd. Pp 1 – 20
- [10] Razhiyah, K. A. (2008). *Menjadi Guru Pendidikan Khas*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- [11] Love, G. (2001). *Creating A More Effective Learning Environment : The Effect Of Nonverbal Immediacy In Multi-Cultural Classrooms*. Harrisonburg.
- [12] McCroskey, J. C., (2006). *An Introduction To Theoretical Communication A Western Rhetorical Perspective*. Ninth edition, Pearson U.S.A
- [13] Worthington, I. (2007). *A Companion To : Greek Rhetoric*. Blackwell Publishing. Ltd. Pp. 107 – 122.
- [14] Muhamad, M. Z. (2008). *Kajian Terhadap Nilai Etos Melalui Komunikasi Pedagogi Pensyarah Di UTHM*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: 2008.